

15 SEP 2001

SEA-Olahraga (Reanchai)

REANCHAI TEWASKAN AZMI DALAM "PHOTO FINISH"

Oleh: D.Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Raja pecut Reanchai Seeharwong mengekalkan kejuaraannya dalam 200m akhir apabila mengalahkan pelari pilihan tuan rumah Azmi Ibrahim menerusi keputusan yang ditentukan oleh satu "photo-finish".

Kekeliruan timbul di Stadium Nasional apabila kedua-dua pelari pecut itu kelihatan mencecah pita penamat pada masa yang sama.

Sebelum itu, acara 200m itu dilewatkan oleh dua permulaan yang dibatalkan yang memaksa pelari Singapura Mohd Shameer Mohd Ayub keluar daripada perlumbaan itu.

Sambil Reanchai berdiri memandang papan markah untuk mendapatkan keputusan tetap mengenai perlumbaan itu, pengumum acara mengisytiharkan pelari Malaysia memenangi acara itu yang menyebabkan timbul kekeliruan di kalangan pegawai, wakil media dan penonton.

Beberapa minit kemudian, Reanchai, yang memenangi emas acara 100m pada Rabu, diisytiharkan sebagai pemenang 200m emas dengan masa 20.95s, yang nyata lebih rendah daripada masa 20.69s yang dicatatkannya di Brunei dua tahun lepas.

Azmi, yang merupakan atlit kedua Malaysia yang mencatatkan masa di bawah 21 saat dengan catatan 20.97s pada saringannya semalam, terpaksa berpuas hati dengan pingat perak selepas mencatatkan masa 20.97s.

Rakan sepasukan, R. Ganeshwaran, memenangi gangsa dengan masa 21.35s dalam perlumbaan itu, yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Azmi bukan sahaja terlepas pingat emas malah gagal mengatasi rekod negara 20.92s Dr M Jegathesan dalam acara itu yang dicatatkannya kira-kira 33 tahun lepas pada Olimpik Mexico 1968.

Walaupun timbul kekeliruan itu, Reanchai berkata beliau yakin memenangi emas.

"Saya gembira menang tetapi saya sepatutnya boleh melakukan dengan lebih baik. Saya tidak berpuas hati dengan permulaan saya... saya sepatutnya terus mendahului daripada mula," katanya pemenang pingat gangsa Sukan Asia itu.

Menurutnya penyertaannya dalam beberapa kejohanan sebelum Sukan SEA ke-21 telah menjejaskan catatannya pada temasya ini dan berkata beliau sepatutnya memberi tumpuan pada latihan.

Azmi, yang digantung dua tahun kerana didapati menggunakan bahan dilarang pada Sukan Malaysia Pahang 1998, berkata beliau berpuas hati dengan perlumbaannya hari ini.

"Saya tidak fikirkan tentang pingat emas. Ia pun bukanlah perlumbaan yang teruk...saya gembira juga kerana sudah lama saya tidak memenangi pingat," katanya.

Azmi dipilih dala skuad Sukan SEA negara walaupun tidak melepasi masa kelayakan yang ditetapkan.

Penyertaannya dalam acara 200m adalah berdasarkan kelayakannya untuk acara lari berganti-ganti dan disenaraikan di tempat ketujuh bagi acara itu di rantau ini dengan catatan terbaiknya hanyalah 21.69s.

-- BERNAMA

AR NAK